



Ruj.Tuan :
Ruj.Kami : JP.BBT.207/SAFE/728/D(13)
Tarikh : 1 Disember 2023

SENARAI EDARAN

YBrs Dato'/ Tuan/ Puan,

PINDAAN PERTAMA GARIS PANDUAN PENGELUARAN SIJIL FITOSANITASI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Ibu Pejabat telah membuat pindaan Garis Panduan Pengeluaran Sijil Fitosanitasi sebagai langkah penambahbaikan kepada prosedur kerja dan rujukan Pegawai Pemeriksa berhubung kerja-kerja pengeluaran Sijil Fitosanitasi serta panduan kepada Pengeksport yang ingin memohon Sijil Fitosanitasi.
3. Sehubungan dengan itu pihak YBrs Dato' / tuan/ puan dimohon untuk menggantikan bahagian yang telah dipinda seperti berikut:
 - a. Muka surat 3, Jadual 1.1 Rekod Pindaan Garis Panduan Pengeluaran Sijil Fitosanitasi – Lampiran 1
 - b. Muka surat 29, menambah perenggan sebagai perenggan baharu selepas Contoh 2 – Lampiran 2
4. Pindaan ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan. Kerjasama tuan dalam perkara ini amat kami hargai dan kami dahulukan dengan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(Ts.ROSMAWATI BINTI SELAMAT)
Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian Malaysia

ANDA KAMI UTAMAKAN



MS ISO 9001:2015 (DSM 000565)



MS ISO 37001:2016 (ABMS 00275)

SENARAI EDARAN

Bil	Senarai Edaran	No. Salinan
1	Ketua Pengarah Pertanian	01/23
2	Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)	02/23
3	Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan	03/23
4	Ketua Unit Perakuan Fitosanitasi dan CITES	04/23
5	Ketua Pejabat Pengeluar Wilayah Persekutuan Labuan	05/23
6	Ketua Pejabat Pengeluar Bukit Temiang, Perlis	06/23
7	Ketua Pejabat Pengeluar Teluk Chengai, Kedah	07/23
8	Ketua Pejabat Pengeluar Ipoh, Perak	08/23
9	Ketua Pejabat Pengeluar Chenderong Balai, Perak	09/23
10	Ketua Pejabat Pengeluar Perlabuhan Klang, Selangor	10/23
11	Ketua Pejabat Pengeluar KLIA Sepang, Selangor	11/23
12	Ketua Pejabat Pengeluar Seberang Perai, Pulau Pinang	12/23
13	Ketua Pejabat Pengeluar Chembong, Negeri Sembilan	13/23
14	Ketua Pejabat Pengeuar Pulau Gadong, Melaka	14/23
15	Ketua Pejabat Pengeluar Ayer Hitam, Johor	15/23
16	Ketua Pejabat Pengeluar Johor Bharu, Johor	16/23
17	Ketua Pejabat Pengeluar Cameron Highlands, Pahang	17/23
18	Ketua Pejabat Pengeluar Kuantan, Pahang	18/23
19	Ketua Pejabat Pengeluar Raub, Pahang	19/23
20	Ketua Pejabat Pengeluar Kuala Terengganu, Terengganu	20/23
21	Ketua Pejabat Pengeluar Lundang, Kelantan	21/23
22	Laman web myphyto.gov.my	22/23
23	Ketua Pejabat Pengeluar Raub, Pahang	23/23

Lampiran 1

Jadual 1.1 Rekod Pindaan Garis Panduan Pengeluaran Sijil Fitosanitasi

Bil	Keluaran/ Pindaan	Tarikh	Keterangan Pindaan	Bahagian/ Muka Surat	Diluluskan oleh
1	Pindaan	30 Nov. 2023	Menambah perenggan sebagai perenggan baharu selepas Contoh 2 pada muka surat 29	10 / 29	Pengarah BBT

Lampiran 2

- i. pengalaman Pegawai Pemeriksa;
- ii. maklumat atau arahan daripada NPPO (negara pengimport atau negara pengeksport); atau
- iii. rekod ketidakpatuhan atau notifikasi yang diterima bagi produk tersebut.

Contoh 1:

Pegawai Pemeriksa menerima permohonan untuk memeriksa 1000 biji buah durian sejuk beku. Berdasarkan pengalaman dan rekod penghantaran lalu, didapati penemuan perosak pada produk ini agak rendah. Oleh itu Pemeriksa memilih tahap pengesanan pada tahap 5% dengan tahap keyakinan 95%. Melalui jadual *hypergeometric*, saiz sampel yang perlu diambil ialah sebanyak 57 biji buah durian.

Contoh 2:

Pegawai Pemeriksa menerima permohonan untuk memeriksa 1000 tumbuhan akuatik yang akan digunakan sebagai bahan tanaman. Melalui rekod penghantaran yang lalu, didapati tumbuhan akuatik merupakan produk yang berisiko tinggi dan sering dipintas di negara pengimport kerana dijangkiti perosak terutama serangga *whitefly* (*Bemisia tabaci*). Berdasarkan maklumat ini, Pemeriksa menetapkan tahap pengesanan pada tahap 1% dengan tahap keyakinan 99%. Melalui jadual *hypergeometric*, saiz sampel yang perlu diambil ialah sebanyak 368 pokok.

Selain daripada itu, penentuan peratus pengambilan sampel adalah bergantung kepada protokol eksport berkaitan yang telah dipersetujui dan berkuatkuasa dari masa ke semasa. Sebagai contoh, *Protocol of Inspection and Quarantine Requirements for The Export of Frozen Durian From Malaysia to China* yang menetapkan sekurang-kurangnya 2% sampel diambil bagi pemeriksaan konsainan produk durian sejuk beku.